

**DEWAN RAKYAT  
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KETIGA BELAS (2014)**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]**

**TARIKH : 11 JUN 2014 [RABU]**

**SOALAN:**

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha-usaha yang telah diambil oleh pihak JAKIM untuk memastikan status halal dalam bidang farmaseutikal di Malaysia.

**JAWAPAN: (Y.B. MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan melalui Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) telah membangunkan Malaysian Standard, **MS 2424:2012** sebagai garis panduan kepada industri-industri farmaseutikal bagi memastikan status halal di bidang farmaseutikal di Malaysia . Standard ini telah dibangunkan oleh ahli jawatankuasa yang dilantik dari pelbagai kepakaran khususnya

dalam bidang farmasi yang digabungkan daripada agensi kerajaan dan swasta. Standard ini juga merupakan garis panduan pertama mengenai farmaseutikal halal di dunia.

Standard ini telah dilancarkan pada 1 Oktober 2012 dan pelbagai usaha telah dilakukan dalam memastikan status halal kepada produk-produk farmaseutikal. Berikutan pelancaran Standard berkenaan, JAKIM telah membangunkan **skim pensijilan halal ke atas produk farmaseutikal** di bawah Malaysia Standard MS2424:2012 (*Halal Pharmaceutical General Guidelines*). Produk-produk farmaseutikal yang boleh diberi pensijilan halal hanyalah di bawah kategori *Over the Counter (OTC)*, *Health supplement* dan *traditional medicine*. Manakala ubat-ubatan di bawah preskripsi doktor tidak diberikan pensijilan halal di bawah standard tersebut.

Disamping itu, JAKIM juga telah membangunkan **sistem e-halal** yang khusus bagi skim farmaseutikal dan telah bekerjasama dengan Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (BPFK), Kementerian Pertahanan Malaysia, Pusat Perubatan Universiti Malaya dan ahli-ahli farmasi untuk membangunkan kompetensi pegawai, pembangunan senarai semak pengauditan, pembelian sumber-sumber rujukan berkaitan dan latihan dalaman bagi tujuan menjalankan pengauditan serta pemantauan ke atas produk farmaseutikal ini.

Memandangkan produk farmaseutikal banyak melibatkan bahan ramuan kritikal dalam penghasilan produk termasuk *processing aids* yang

digunakan dan memerlukan penelitian yang terperinci dalam menjalankan proses pensijilan halal, JAKIM telah menubuhkan kumpulan perintis yang khusus dalam produk farmaseutikal bermula daripada proses semakan dokumen sehingga kepada pengauditan lapangan.

Walaupun bagaimanapun, permohonan pensijilan halal di Malaysia bagi mana-mana produk adalah bersifat sukarela dan JAKIM sentiasa menggalakkan mana-mana pihak untuk memohon Sijil Pengesahan Halal Malaysia.

Sekian, terima kasih.